

Newspaper	Berita Harian
Date	28 October 2015

Wujud budaya toleransi: PM

» Pemimpin, pengikut agama perlu terima perbezaan, lebih terbuka

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata pemimpin dan pengikut agama perlu saling bekerjasama, dipercayai dan memahami serta hormat menghormati untuk mewujudkan keamanan di dunia.

Perdana Menteri berkata, pemimpin dan pengikut agama juga perlu komited mewujudkan budaya toleransi dan keharmonian ke arah kesejahteraan masyarakat dengan mengetepikan perkara yang boleh memecahbelahkan.

Katanya, di Malaysia usaha mewujudkan sebuah negara aman memang mencabar, namun kepemimpinan negara sentiasa berusaha untuk melakukannya secara berterusan berteraskan kebijaksanaan, kebaikan dan keadilan.

"Satu cara kita boleh melakukan di Malaysia dan bahagian lain di dunia adalah untuk menerima bahawa wujud perbezaan antara agama.

Sedia mendengar

"Kita perlu bersedia untuk mendengar antara satu sama lain dengan fikiran dan hati terbuka demi keamanan dunia," katanya berucap merasmikan Seminar Antarabangsa Agama dan Keamanan Bersama bertema 'Menerima Perbezaan dan Mendukung Nilai' di Institut Kefahaman Malay-



Najib melancarkan TAHFIM Online pada Seminar Antarabangsa Agama dan Keamanan Bersama bertema 'Menerima Perbezaan dan Mendukung Nilai' sambil diperhatikan Abdullah, Jamil Khir (dua dari kanan) dan Joseph (kanan) di IKIM, Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

sia (IKIM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi IKIM, Tun Abdullah Ahmad Badawi serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Tan Sri Joseph Kurup.

Seminar antarabangsa itu diadakan dengan objektif me-

wujudkan kefahaman terhadap peranan agama untuk mempromosikan keamanan bersama dalam masyarakat pelbagai agama dan kaum.

Najib berkata, kerajaan memberi perhatian terhadap perkara yang menjadi perbalahan antara agama dengan

memfokuskan persamaan antara mereka.

Perbezaan tak halang

"Perbezaan yang wujud antara agama tidak seharusnya menghalang penyatuan dalam menghadapi isu dan masalah yang menjejaskan dunia hari ini seperti ketidakadilan, diskriminasi, konflik dan keganasan, perubahan iklim dan bencana buatan manusia," katanya.

Najib berkata, pada hakikatnya ada banyak persamaan nilai dalam pelbagai agama yang sepatutnya boleh menjadi penghubung yang diperlukan dalam dunia hari ini.

Sehubungan itu, katanya, konsep wassatiyyah atau kesederhanaan perlu diterapkan kerana ia membawa mesej kebaikan.

"Pendekatan wassatiyyah bermaksud 'seimbang' dan 'terbaik'. Tanpa konsep ini, masyarakat mudah terjebak dalam budaya ekstremisme, selain kumpulan militan seperti Negara Islam (IS)," katanya.

Takziah buat mangsa gempa

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak merakamkan rasa simpati beliau kepada keluarga yang terjejas akibat gempa bumi kuat di Afghanistan dan Pakistan, kelmarin.

"Takziah daripada saya kepada keluarga yang terjejas oleh gempa bumi di Pakistan dan Afghanistan. Al-Fatihah," kata Najib dalam catatan di Twitter @NajibRazak, semalam.

Dilaporkan gempa bumi berukuran 7.5 pada skala magnitud di barat laut Afghanistan itu menyebabkan lebih 270 orang terkorban, kebanyakannya di Pakistan.

Gegaran turut dirasai penduduk di utara India dan Tajikistan susulan gempa bumi itu.

Sementara itu, Wisma Putra dalam satu kenyataan malam tadi, mengesahkan tiada rakyat Malaysia terbabat dalam kejadian itu.